


SUARA KONTEMPORARI Kosmo!

Home » Tambah pulau peranginan bebas Covid-19




Gambar hiasan

# Tambah pulau peranginan bebas Covid-19

Oleh SHAMSUL KAMAL AMARUDIN 3 Julai 2021, 3:14 pm

LUMUT – Kerajaan disaran menyenaraikan beberapa lagi pulau peranginan sebagai projek perintis Destinasi Bebas Covid-19 selain pulau Langkawi sebagai destinasi rintis dalam Pelan Pemulihan Pelancongan (TRP) yang sedang dilakukan sekarang.

Ahli Dewan Undangan Negeri Pangkor, Datuk Seri Dr. Zambry Abd Kadir mencadangkan agar pulau lain turut dimasukkan dalam program itu seperti Pulau Pangkor, Tioman dan Labuan.

Jelasnya, cadangan itu sudah dikemukakannya kepada Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) yang juga Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin Abu Bakar baru-baru ini.



“Untuk mencapai imuniti kelompok (di seluruh negara) mungkin mengambil masa berbulan-bulan, tetapi ada contoh yang boleh kita mulakan misalnya di pulau terpilih.

“Ia secara tidak langsung membolehkan pelancong-pelancong datang sepertimana yang kita lihat eksperimen

dilakukan seperti di Phuket, Thailand," katanya di sini semalam.

Baru-baru ini, Khairy Jamaluddin dilaporkan berkata, vaksinasi besar-besaran akan dilaksanakan di Pulau Langkawi sebagai projek perintis untuk TRP bagi Program Destinasi Bebas Covid-19.

Menurut Zambry, langkah menjadikan semua pulau tersebut sebagai Destinasi Bebas Covid-19 bukan sahaja memulihkan kembali sektor pelancongan yang terjejas teruk tetapi juga aktiviti lain seperti pengangkutan awam dan premis perniagaan.



Beliau memberi contoh, di Pulau Pangkor, kira-kira 2,000 orang daripada kira-kira 8,000 penduduk yang mendaftar sudah divaksinkan dan berharap imuniti kelompok dapat dicapai secepat mungkin. – K! ONLINE

**Jika anda mengalami kemurungan dan tekanan hubungi:**

**MHPSS di 03-29359935 atau 014-3223392**
**Talian Kasih 15999 / WhatsApp Talian Kasih di 019-2615999 (Bagi pelbagai bantuan aduan keganasan rumahtangga dan pelbagai lagi masalah seperti penderaan);**
**KSK-Care JAKIM di WhatsApp 0111-9598214**
**Befrienders Kuala Lumpur di talian 03-76272929**


## BERITA SELANJUTNYA

by



Pulau Pinang capai 10 peratus vaksin



Kilang sisa logam diarah henti operasi



Adik Sajat, Mustika tular angkara video parodi

AD



Inilah Cara Menjana Wang dengan Bitcoin



Wanita miliki dua vagina, alami dua haid…



Tangki berisi bahan kimia pecah



Bintang TikTok dihukum penjara



Dua GRO Vietnam cedera terjun…



Peruntuk RM20 juta biaya PPV, SJR seluru…



POPULAR



**Messi bawa Argentina terus mara**

5 Julai 2021, 11:15 am



**Pengembaraan masa demi cinta Antaramasa**

5 Julai 2021, 11:00 am



**Seventeen kini tanpa S. Coups**

5 Julai 2021, 10:50 am



**Memandu mabuk, Lizzy dibicarakan**

5 Julai 2021, 10:45 am




BERITA BERKAITAN



**Durian kunyit hanya cukup dijual di Kelantan**

5 Julai 2021, 10:00 am



**Bangunan JKR Elektrik terbakar**

5 Julai 2021, 9:52 am



**Peniaga buang 1 tan durian**

5 Julai 2021, 9:50 am





**Putih simbol fitrah**

5 Julai 2021, 9:44 am

PREMIUM

LANGGANAN

Hak cipta terpelihara © 2021 Media Mulia Sdn. Bhd.

Terma dan Syarat
Hubungi Kami